

# AL-HIKMAH

---

<b>Jilid</b>	<b>11</b>	<b>ISSN 1985-6822</b>	<b>2019</b>
<b>No.</b>	<b>1</b>		<b>1441</b>

---

- APLIKASI PROGRAM ATLAS.TI DALAM PENYELIDIKAN KUALITATIF BIDANG PENGAJIAN ISLAM: SUATU CADANGAN AWAL... 3-21  
*Mohd Faiz, Mohamed Yusof & Nurhanani Romli*
- LAKUAN LOKUSI GURU AGAMA BANGSA MELAYU... 22-40  
*Muhammad Zuhair Zainal, Mohd Farid Mohd Sharif, Md Baharuddin Abdul Rahman & Al-Amin Mydin*
- DAKWAH SYEIKH NAZIM AL-QUBRUSI: ANTARA PENERIMAAN DAN PENOLAKAN... 41-59  
*Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman, Mohd Haidhar Kamarzaman & Kamarudin Salleh*
- PENDEKATAN STREET DAKWAH KEPADA BUKAN ISLAM DALAM KALANGAN PENDAKWAH NGO MUSLIM DI PULAU PINANG... 60-73  
*Mohamad Nasir Noor Azemy & Rosmawati Mohamad Rasit*
- PERANAN GURU PENDIDIKAN ISLAM MEMBENTUK AKHLAK PELAJAR DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DAERAH KUNAK SABAH... 74-87  
*Rosnijah Arolah & A'dawiyah Ismail*
- MANHAJ TARBIAH SAYYID MUHAMMAD ALI AL-SANUSI... 88-96  
*Mohd Sobirin Mohd Azehar & Ahmad Irdha*
- ANALISIS FAKTOR KEAGAMAAN TERHADAP AMALAN BERSEDEKAH DALAM KALANGAN MAHASISWA ISLAM: APLIKASI TEKNIK FUZZY DELPHI... 97-117  
*Ahmad Ridwan Osman @ Hussin, Zaharah Hussin & Abdul Muhsin Sulaiman*
- PENGURUSAN TABAYYUN DALAM DAKWAH... 118-131  
*Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Abu Dardaa Mohamad & Rosmawati Mohamad Rasit*
- PENGIMARAHAN DI MASJID TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN (MTMZA), PUTRAJAYA... 132-143  
*Ahmad Rijal Ghazali & Ahmad Irdha Mokhtar*
- MANHAJ DAKWAH HABIB UMAR BIN HAFIZ... 144-159  
*Wan Suhailah Wan Abdul Jalil & Abu Dardaa Mohamad*

# Lakuan Lokusi Guru Agama Bangsa Melayu

## Locutionary Act Among Malay Religious Teachers

MUHAMMAD ZUHAIR ZAINAL\*  
MOHD FARID MOHD SHARIF  
MD BAHARUDDIN ABDUL RAHMAN  
AL-AMIN MYDIN

### ABSTRAK

Makalah ini membincangkan tentang lakuan lokusi guru-guru agama bangsa Melayu, khususnya lakuan lokusi tidak sopan. Lakuan lokusi merupakan lakuan pengucapan bagi sesuatu ujaran. Kajian pragmatik ini berbentuk fenomenologi hermeneutik menggunakan kaedah tidak menonjol dan data kajian dianalisis berpandukan Prinsip Kesopanan (Leech 1983). Hasil kajian menunjukkan bahawa wujud lakuan lokusi tidak sopan dalam kalangan guru-guru agama bangsa Melayu. Lakuan lokusi tidak sopan tersebut melanggar lima daripada enam maksim yang terdapat dalam Prinsip Kesopanan (Leech 1983) yang mengakibatkan terhasilnya tingkah laku tidak beradab. Lakuan lokusi tidak sopan tersebut dapat dikategorikan dalam tiga bentuk, iaitu provokasi, menjengkelkan dan merapik. Berdasarkan kajian dapat dirumuskan bahawa kewujudan lakuan lokusi tidak sopan bukan hanya terhad dalam interaksi perbualan masyarakat awam, bahkan wujud dalam interaksi perbualan guru-guru agama bangsa Melayu. Oleh itu, ilmu berbahasa dan berkomunikasi seharusnya diutamakan oleh setiap golongan masyarakat, terutamanya dari aspek kesopanan berbahasa Melayu.

**Kata kunci:** *Lakuan Pertuturan, Lokusi, Pragmatik, Kesopanan Berbahasa, Guru Agama*

### ABSTRACT

This article is discussing about locutionary act among Malay religious teachers, especially impolite locutionary act. Locutionary act is a speech act by an utterance. This pragmatic research is in hermeneutics phenomenology form using indirect method and research data's is analyses based on Politeness Principle (Leech 1983). Research results showed that impolite locutionary act do exists among Malay religious teachers. This impolite locutionary act violated five out of six maxims that are in Polite Principle (Leech 1983) that led to impolite act. This impolite act can be categorized in three ways, which is provocation, annoyed and gibbering. Based on this research, it can be concluded that the act of impolite locutionary act not only limited in public social interaction, but also exists among

Malay religious teachers' interaction. Therefore, communication and language skills should be practiced by the society especially in the politeness of Malay language usage.

**Keywords:** *Speech Act, Locution, Pragmatic, Speech Politeness, Religious Teachers.*

## PENGENALAN

Dalam interaksi perbualan, perkara yang diutamakan ialah ujaran. Oleh sebab itu, untuk menjayakan sesebuah interaksi perbualan, kerjasama antara penutur dengan pendengar amat diperlukan kerana proses membentuk makna ujaran merupakan proses persetujuan bersama antara penutur dengan pendengar yang merangkumi segala faktor sosial, psikologi, batasan kognitif pendengar dan kekangan sosial yang dihadapi oleh penutur ketika mengungkapkan sesuatu ujaran (Thomas 1995).

Leech (1983) menganggap ujaran sebagai bentuk lakuan atau kegiatan dan hasil lakuan verbal. Beliau berpendapat bahawa penggunaan bahasa yang berkesan dalam ujaran adalah apabila penutur mementingkan situasi tuturan yang peka-matlamat, iaitu menggunakan bahasa untuk menghasilkan kesan tertentu pada fikiran pendengar. Kesan tersebut bukan semata-mata memenuhi matlamat ilokusi penutur tetapi turut memenuhi matlamat sosial pendengar, seperti dihormati, dihargai, tidak berlaku biadap, bercakap benar dan lain-lain.

Perkara ini seharusnya merangkumi semua bentuk interaksi perbualan tanpa mengira status sosial, termasuk interaksi perbualan dalam kalangan guru-guru agama. Pada masa ini, terdapat banyak interaksi perbualan dalam kalangan guru-guru agama yang dimuat naik ke media sosial. Interaksi perbualan tersebut berbentuk forum, debat dan facebook live. Interaksi perbualan tersebut ditonton oleh khalayak ramai, sama ada kanak-kanak, orang muda dan orang tua.

Forum, debat dan facebook live tersebut ditonton oleh orang ramai disebabkan mereka ingin menambah ilmu pengetahuan dalam bidang agama serta mengikuti isu-isu terkini berkaitan permasalahan agama. Sesuai dengan peredaran zaman dan teknologi terkini, proses mengajar dan mendapatkan ilmu agama bukan lagi terhad di dalam masjid, surau dan bilik kuliah. Pengajaran yang baik merupakan gabungan penggunaan strategi, pendekatan, kaedah, teknik pengajaran dan alat bantu mengajar yang menarik (Shifflet, Mark dan Brown 2006; Ong Sze Chong, Zamri Mahamod dan Mohd Izham Mohd Hamzah 2017). Namun begitu, faktor guru merupakan pemangkin utama kepada pelaksanaan pengajaran yang berkesan dan menyeronokkan. Di samping itu, kemahiran komunikasi guru yang berkesan dapat mengaktifkan penglibatan pelajar semasa proses

pengajaran dan pembelajaran (Abdul Rasid Jamian dan Hasmah Ismail 2013). Oleh itu, Seorang guru perlu mempunyai kemahiran dan kecekapan berbahasa dengan baik ketika proses pengajaran (Mohd Asri Harun, Zulkifley Hamid dan Kartini Abd Wahab 2016).

Orang ramai menaruh harapan dan kepercayaan yang tinggi terhadap guru-guru agama. Setiap tutur kata dan perbuatan mereka akan dijadikan pedoman. Namun begitu, terdapat rungutan daripada orang ramai terhadap bahasa atau ujaran yang digunakan oleh guru-guru agama dalam interaksi perbualan mereka, terutamanya yang berkaitan dengan pemakaian bahasa yang tidak sopan. Hal ini terbukti berdasarkan catatan yang ditulis oleh para penonton di ruang komen facebook atau youtube.com milik guru-guru agama tersebut. Oleh itu, guru-guru agama perlu bijak dalam membentuk sesuatu ujaran dengan menggunakan perkataan, frasa dan ayat yang sesuai supaya peka-matlamat, terutamanya bagi memenuhi matlamat sosial pendengar.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bertujuan bagi mengenal pasti aspek kesopanan berbahasa pada lakuan lokusi guru-guru agama dalam interaksi perbualan mereka di media sosial, khususnya lakuan lokusi yang tidak sopan. Melalui kajian ini, kesedaran terhadap kepentingan ilmu dan kemahiran pragmatik dapat diterapkan kepada guru-guru agama dan secara tidak langsung dapat mendidik masyarakat supaya mengelakkan daripada mengujarkan ujaran yang tidak sopan dan berusaha berbahasa dengan sopan dalam semua bentuk interaksi perbualan.

## SOROTAN LITERATUR

Kiemer et al. (2015) berpandangan bahawa kecenderungan pelajar untuk belajar dapat dipupuk melalui wacana kelas yang produktif. Salah satu faktor yang menjadikan kaedah pengajaran berjaya adalah dialog (Howe dan Abedin 2013). Oleh sebab itu, pembentukan makna terhasil berdasarkan interaksi perbualan yang baik antara guru dengan pelajar (Siti Saniah Abu Bakar 2017). Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman dan Sufiza Ishak (2013, 50) dalam kajian mereka tentang interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa mencadangkan supaya para guru berusaha meningkatkan tahap amalan interaksi lisan. Menurut pengkaji, “amalan interaksi lisan yang pelbagai dapat merangsang dan menarik minat pelajar untuk memahami isi pelajaran yang diajar oleh guru”.

Sementara itu, kajian bahasa yang dijalankan oleh Farizah Hanim Ismail (2010) mendapati bahawa bagi memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran menyeronokkan, guru dan pelajar perlu mengetahui asas kemahiran komunikasi dan berbahasa serta mempraktikkannya dalam pelbagai medium. Sementelah itu, kajian tentang keperluan pembangunan

model falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional yang dijalankan oleh Mohd Khaidir Abdul Wahab dan Mohd Rashid Md. Idris (2016) menunjukkan bahawa guru harus mempunyai kemahiran berbahasa dengan baik supaya maklumat yang ingin disampaikan dapat difahami oleh pelajar. Jika kemahiran berbahasa guru lemah, maka guru akan gagal menyampaikan maklumat yang benar dan betul kepada pelajar serta gagal mencapai objektif pelajaran. Berdasarkan pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa seorang guru perlu mempunyai kemahiran pragmatik dalam membentuk komunikasi berkesan semasa proses pengajaran.

Kajian kepemimpinan pengajaran dan sikap guru Bahasa Melayu yang dijalankan Mohd Khairuddin Abdullah dan Halimah Laji (2014) menunjukkan bahawa tingkah laku guru di dalam bilik darjah memberi kesan kepada tingkah laku pelajar dan secara langsung memberi kesan kepada pencapaian pelajar. Tingkah laku guru bukan terhad kepada gerak laku fizikal, tetapi termasuklah lakuan pertuturan. Sofia Ulfah, Zamri Mahamod dan Jamaludin Badusah (2013) telah menjalankan kajian tentang komunikasi interpersonal ekspresif. Hasil kajian menunjukkan bahawa komunikasi interpersonal ekspresif seperti mengecam, mengancam, menuduh pada masa memulakan, semasa dan menutup aktiviti pengajaran dan pembelajaran boleh menyebabkan timbulnya perasaan rasa benci pelajar kepada guru. Hal ini berlaku kerana pelajar menganggap guru tidak menghormati dan menghargai mereka.

Kajian-kajian lepas yang dinyatakan jelas memberi petunjuk bahawa guru-guru seharusnya mempunyai kemahiran berbahasa dan berkomunikasi dengan baik ketika menjalankan sesi pengajaran. Oleh sebab itulah kajian terhadap lakuan pertuturan guru agama penting untuk dijalankan kerana hasil kajian yang dijalankan oleh Amir Juhari dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2015, 57) menunjukkan bahawa “dalam pertuturan, penutur sebenarnya telah melakukan tingkah laku yang terdiri daripada pelbagai jenis. Dalam lakuan pertuturan, penutur melakukan sesuatu semasa membuat pertuturan sama ada mencadang, bersetuju, mengesahkan, menolak, menasihati dan sebagainya. Setiap lakuan dituturkan dengan tujuan tertentu sama ada untuk menyatakan persetujuan, tidak bersetuju, bertanya untuk mendapatkan maklumat, menyatakan pendirian, mengemukakan pandangan dan sebagainya.”

Di samping itu, aspek kesopanan berbahasa juga perlu diutamakan dalam sesebuah interaksi perbualan antara guru dengan para pelajar. Kesopanan berbahasa memainkan peranan yang penting dalam aktiviti komunikasi. Kesopanan boleh dibahagikan kepada dua, iaitu kesopanan asas dan kesopanan kendala (Rohaidah Mashudi et al. 2013). Kesopanan asas merupakan kesopanan yang sedia ada yang merupakan pedoman bagi ahli-ahli masyarakat berhubung antara satu sama lain dengan cara

menunjukkan adanya sikap berbaik-baik antara mereka. Manakala kesopanan kendala pula merupakan kesopanan yang menggambarkan usaha yang dilakukan oleh ahli-ahli masyarakat dalam berhubungan satu sama lain dengan memberi perhatian pada kendala-kendala tertentu (Asmah Hj Omar 2000).

Namun begitu, kajian-kajian tentang kesopanan berbahasa Melayu banyak berkisar tentang remaja dan pelajar (Zaitul Azma Zainon, Ahmad Fuad dan Mohd Nur Hafizudin 2011; Maslida Yusof, Marlyna Maros dan Muhammad Fadzeli Jaafar 2011; Nor Azuwan Yaakob et al. 2011; Siti Hajar Che Man et al. 2012), karya sastera (Abd Ganing Laengkang dan Wan Mohd Fairaz Wan Mohd Ghazali 2015; Sara Beden dan Indirawati Zahid 2016) dan pengguna media massa dan media sosial (Rohaidah Mashudi et al. 2013; Maslida Yusof dan Karim Harun 2015; Arina Johari dan Indirawati Zahid 2016). Tiada kajian kesopanan berbahasa yang membincangkan secara langsung tentang lakuan lokusi guru-guru agama bangsa Melayu. Oleh itu, kajian pragmatik tentang lakuan lokusi, terutamanya yang melibatkan aspek ketidaksopanan berbahasa dalam kalangan guru-guru agama perlu dilakukan bagi melengkapkan dan memantapkan kajian-kajian tentang kesopanan berbahasa yang sedia ada. Kajian ini dilakukan untuk memberi pendedahan kepada guru-guru agama dan masyarakat tentang Prinsip Kesopanan (Leech 1983) di samping mengemukakan contoh-contoh lakuan lokusi yang mengandungi tingkah laku tidak beradab untuk dijadikan sempadan.

## METODOLOGI

Kerangka kajian ini berbentuk fenomenologi hermeneutik, iaitu sains mentafsirkan teks bahasa, sama ada tulisan atau pertuturan (Rapport 2005; Van Manen 1990). Kaedah kajian ini menggunakan kaedah tidak menonjol kerana kajian ini yang tidak memerlukan penyertaan individu yang hidup (Kellehear 1993) dan menggunakan data tidak hidup sebagai data kajian (Hense-Biber dan Leavy 2005).

Kajian ini menggunakan teknik pensampelan bertujuan dengan menjadikan rekod audiovisual forum yang terdapat dalam laman sesawang [www.youtube.com](http://www.youtube.com) sebagai sampel kajian. Selain itu, komen-komen penonton yang berkaitan pemakaian bahasa pembicara dalam rekod audiovisual forum tersebut turut diambil untuk dijadikan sebagai bahan sokongan kajian. Rekod audiovisual dan komen-komen seperti ini mampu memberi banyak maklumat untuk sesuatu kajian (Pink 2001; Rose 2001; Hesse-Biber dan Leavy 2005; Banks 2007). Rekod audiovisual terpilih tersebut merupakan rakaman forum berkaitan agama Islam yang berdurasi selama tiga jam empat belas minit dan tiga puluh tiga saat (3:14:3). Forum

tersebut melibatkan seorang moderator dan lima orang pembicara. Forum tersebut telah ditonton oleh 171, 702 penonton dan terdapat 292 komen daripada penonton (pada 3 Februari 2018).

Justifikasi pemilihan rekod audiovisual forum agama tersebut sebagai sample kajian adalah kerana kesemua pembicara dalam forum tersebut mempunyai kelulusan dalam bidang agama, empat daripada mereka berkelulusan ijazah agama dari negara Jordan dan seorang daripada mereka berkelulusan ijazah agama dari negara Malaysia; ada yang bergelar Ustaz Dato' Dr., Ustaz Dr. dan Ustaz. Yang paling utama ialah ujaran-ujaran yang digunakan oleh pembicara forum tersebut menggunakan bahasa Melayu dan dapat mencapai objektif kajian.

Teknik pengumpulan data bagi kajian ini adalah dengan menggunakan teknik analisis dokumen. Ujaran-ujaran yang terdapat dalam rekod audiovisual forum agama tersebut diteliti dan disaring oleh pengkaji untuk dijadikan data kajian. Hasil daripada analisis dokumen telah menemukan sebanyak 15 ujaran pembicara untuk dijadikan data kajian. Kesemua data tersebut ditranskripsi ke dalam bentuk transkrip kemudiannya dianalisis secara deskriptif berpandukan Prinsip Kesopanan yang dikemukakan oleh Leech (1983). Terdapat enam maksim dalam Prinsip Kesopanan, iaitu maksim santun, maksim kedermawanan, maksim sokongan, maksim kerendahan hati, maksim persetujuan dan maksim simpati

## LAKUAN PERTUTURAN

Dalam pragmatik, terdapat tiga lakuan pertuturan, iaitu perlakuan pengucapan, perlakuan niat pengucapan dan perlakuan tindak balas pengucapan. Sebagai contohnya, dalam situasi seseorang bapa ingin menyuruh anaknya tidur, lalu bapa tersebut berkata:

“Ayah akan padamkan lampu.”

“Ayah akan padamkan lampu.” merupakan perlakuan pengucapan, manakala ilokusi bagi ujaran tersebut mungkin berbentuk satu arahan supaya anaknya tidur. Selanjutnya, perlakuan tindak balas pengucapan berdasarkan ujaran itu, kanak-kanak tersebut menjadi takut, diam dan terus tidur.

Lakuan pertuturan ini diperkenalkan oleh Austin (1962), kemudian Searle telah mengembangkan konsep ini menjadi lokusi, ilokusi dan perlokusi. Leech (terjemahan Azhar M. Simin 1993) menyatakan bahawa lakuan lokusi ialah melakukan lakuan menyatakan sesuatu, misalnya:

LOKUSI: t berkata kepada d bahawa X.

t merujuk kepada penutur, d merujuk kepada pendengar, manakala X ialah urutan perkataan tertentu yang disebut untuk menyampaikan sesuatu maksud tertentu dan mempunyai rujukan tertentu.

Oleh itu, lokusi boleh dimengertikan sebagai perlakuan mengucapkan secara ujaran. Perlakuan tersebut boleh dilakukan secara sopan dan tidak sopan. Untuk mengukur kesopanan bagi sesuatu ujaran, Leech (1983) telah mengemukakan Prinsip Kesopanan (PS). Prinsip tersebut mempunyai empat maksim, iaitu maksim santun, maksim kedermawanan, maksim sokongan, maksim kerendahan hati, maksim persetujuan dan maksim simpati.

1. Maksim santun, iaitu minimumkan kos bagi orang lain.
2. Maksim kedermawanan, iaitu minimumkan manfaat bagi diri sendiri.
3. Maksim sokongan, iaitu minimumkan cacian terhadap orang lain.
4. Maksim kerendahan hati, iaitu minimumkan pujian terhadap diri sendiri.
5. Maksim persetujuan, iaitu minimumkan perbalahan antara diri sendiri dengan orang lain.
6. Maksim simpati, iaitu minimumkan antipati antara diri sendiri dengan orang lain.

Leech (1983) berpendapat bahawa jika seseorang penutur tidak dapat mematuhi maksim-maksim tersebut, maka penutur tersebut telah melanggar Prinsip Kesopanan. Contoh:

“Idea bodoh apakah ini? Merapu! Kolot! Ketinggalan zaman! Saya tidak suka dengan idea-idea bodoh seperti ini.”

Ujaran di atas jelas menggambarkan bahawa lakuan lokusi penutur tidak mematuhi maksim sokongan. Penutur bersikap tidak sopan dengan melanggar maksim sokongan kerana penutur tidak meminimumkan cacian terhadap orang lain. Lakuan lokusi tersebut berbentuk menjengkelkan dan terkandung dalamnya lakuan niat pengucapan berbentuk penegasan, iaitu mengeji.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil penelitian rakaman audiovisual forum terpilih, ternyata wujud lakuan lokusi yang tidak sopan dalam interaksi perbualan guru-guru agama bangsa Melayu. Berdasarkan analisis terhadap ujaran yang dituturkan oleh kelima-lima guru agama tersebut, terdapat sebanyak tujuh lakuan lokusi yang



berbentuk provokasi, tiga lakuan lokusi yang berbentuk menjengkelkan dan enam lakuan lokusi yang berbentuk merapik.

Jadual 1 Ujaran yang lakuan lokusinya berbentuk provokasi.

LAKUAN	PROVOKASI
LOKUSI	
L1	Dan, dan saya lihat, dia tadi memetik kalam syeikh Ali Jumah, dalam facebook dia sebut, damn you burhami, damn you Ali Jumah. Betul tak? Betul ni takiyya. Ini takiyya. Saya boleh tunjuk bukti, dia juga yang mengatakan Ulama yang paling cemerlang, gemilang, terbilang ialah Syeikul Islam Ibnu Taimiyah yang berjuang menggunakan mata pedang! Saya tak kata dia pengganas. Dia sendiri memanifestasikan kenyataan berkenaan.
L2	Baik, Amanah, mudah-mudahan.
L3	Ada menteri buat debat dengan Mufti Pasir al-Bedengung bersama KK. Kemudian dibatalkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri.
L4	Tapi Jangan jadi salafi. Pi Kelain.
L5	Saya kadang-kadang pelik dengan Dr. NN ni. Hairan bin ajaib. Saya pelik. Say, say, bukan ngumpat ni. Cakap terus terang. Ustaz KK tak main mengumpat di belakang.
L6	Ha! Ni garang ni. Harimau Malaya! KK nilah yang menangkap orang Syiah di Malaysia. Ha! Sabar biasa. Sabaruddin. Sabariah. Sabaroni.
L7	Belum lagi mufti jelaskan tentang kapor harbi, kita dah ulas dah. Sebab kita fikir kita PhD. Sebab kita fikir sel otak kita lebih cepat berhubung setelah meminum susu dugro. Tak bijak.

Jadual 1 di atas menunjukkan lakuan lokusi berbentuk provokasi, iaitu perlakuan pengucapan yang membangkitkan kemarahan sidilawan-sapa. Lakuan lokusi berbentuk provokasi tersebut dilakukan untuk tujuan tertentu, iaitu membuat tuduhan (L1), menyindir (L2), memandang rendah (L3), mengancam (L4), menempelak (L5), bercakap besar (L6) dan menghina (L7).

Lakuan lokusi berbentuk provokasi tersebut dapat dikesan oleh para pendengar dan penonton. Contohnya:

RP (1): “KK = tak professional, betul la org ckp, kata2 dia byk mengenakan org, perlu org, 300% tak layak jdi presiden ABCDEF ..... dia sendiri tak faham apa tu akhlak ASWAJA.”

RP (2): “yg mula hentam org KK ....dia hentam NN, pastu NN hentam dia balik,pastu dia kias kt SS boh dia balik.....hahahah.....”

RP (3): “ustaz KK ni habis semua org die provoke.”

RP (4): “Ustaz KK walaupun ada pointnya tapi ada juga provokasi tu.....tu yang ke laut sebab lari dari tajuk....nak cakap pasal wahabi ke apa ke lain forum la kot.....nak pertahankan manhaj akidah asyairah x perlu kot provoke sana sini.....”

RP (5): “BB dan KK byk provok...lain2 ok.”

Jadual 2 Ujaran yang lakuan lokusinya berbentuk menjengkelkan.

LAKUAN MENJENGKELKAN LOKUSI	
L8	Dan saya tidak pernah mengatakan Ibn Baz tiada penglihatan, Ibn Baz aaa pengganas, Ibn Baz barua, Ibn Baz bahlol. Tiada Ada.
L9	Dan saya pun tahu mereka pun tahu, tetapi Sinar harian begitu teruja untuk melaksanakannya jua tanpa menjemput saya. Dan terus dilaksanakan debat dengan kerusi berkenaan. Itu kerja orang –orang tidak bertamadun. Debat dengan kerusi. Lalu mereka mengatakan KK Bahalol, KK pengecut. KK Al-Lari. Tak Lari Tuan-tuan.
L10	Kalau Ustaz KK kata barua, ooo jahat KK. Akhlak buruk. Perangai buruk. Bukan ustaz. Tak layak jadi... Habis nak cakap apa?
L11	Habis kita nak suruh mufti mana yang bercakap? Mufti Pasir Berdengung? Mufti cap ayam? Nak suruh mufti mana bercakap.

Jadual 2 di atas menunjukkan lakuan lokusi yang berbentuk menjengkelkan, iaitu perlakuan pengucapan yang menyakitkan hati sidilawan-sapa dan mengandungi perkataan kasar, keras, pedas dan tajam. Analisis data menunjukkan bahawa L8 dan L9 mengandungi perkataan “bahlol”, L10 pula mengandungi perkataan “barua” dan L11 mengandungi perkataan “cap ayam”. Perkataan-perkataan seperti ini tidak seharusnya

digunakan oleh guru agama yang dipandang tinggi kedudukan mereka di sisi masyarakat. Penggunaan perkataan seperti tersebut telah menyebabkan pendengar dan penonton memberi komen yang negatif terhadap guru agama yang menjadi pembicara bagi forum tersebut. Komen mereka seperti berikut:

RP (6): “KK ni pelik mcm2 budak2 dan kurang ajar, langsung xde hujah mcm mana dia boleh sesat kat forum academic mcm ni.”

RP (7): “Akhlak KK?...tak layak dilantik sbgi presiden ABCDEF. 200% tak layak, ilmu sahaja tak cukup, akhlak beliu shj sudah cukup utk tidak tercalon sbgi ustaz ASWAJA hatta presiden ABCDEF. Noktah.”

RP (8): “KK. Akhlak kamu teruk sangat lah.”

RP (9): “Aku suka SS sekarang.. pemikirannya makin mantap x mcm dulu.. dr NN pulak banyak ilmiah yang dia sampaikan.. KK?? Dalam masjid pon dia maki barua anjing bagai x sesuai masuk dlm pembincangan ini.. adab dan tertib pon mcm haprakk... BB rasis betull..”

RP (10): “KK sooo sarcastic.”

Jadual 3 Ujaran yang lakuan lokusinya berbentuk merapik

LAKUAN	MERAPIK
LOKUSI	
L12	Hadirin yang dirahmati Allah. Bawa bertenang. Rilek. Jangan takut KK. KK tak makan orang. KK Al-Ghari. Betul Prof. Al-Gua. Gua bukan sebarang gua, kalau pergi ke Kota Bharu, tempuhi Gua Musang terlebih dahulu. Ini Bukan KK Al-Lari.
L13	Seminit lagi. Iya ke ni? Biar betul? Biar betul heh. Okey! Rilek eh. Ke panas? Tak panaskan? KK tak makan orang kan? Nampak garangkan? Tak garang pun.
L14	Ini Melayu jenis apa? Melayu bersanad? Sel otak berhubung? Tak pakai kopiah?
L15	Jadi kenapa anda hendak mempertikaikan? Anda ni siapa? Ultraman? Batman? Spiderman? Digimon? Slaktera? Doraemon?

Jadual 3 di atas menunjukkan lakuan lokusi berbentuk merapik, iaitu perlakuan pengucapan yang bukan-bukan yang tidak mendatangkan manfaat kepada pendengar. Analisis data menunjukkan bahawa lakuan

lokusi berbentuk merapik tersebut mengandungi kata senda yang bersifat ejekan dan lelucon. Dalam konteks perbincangan ini, lelucon yang dimaksudkan ialah sesuatu yang menggelikan hati. Berdasarkan lakuan lokusi merapik tersebut, pendengar dan penonton telah memberi komen yang pelbagai, antaranya seperti berikut:

RP (11): “Dr NN tu nampak loyar buruk. ...”

RP (12): “menyampahnya dgr KK bercakap. dh la xde ilmu lgsung, anoyying gila. dia igt dia best sgt.”

RP (13): “cara menyampai KK menggelabah dengan terketar2.. buat muka poyo mua cukup..buat malu org kelantan.”

RP (14): “KK nii brmasalah btul laa 😊😊😊... xpe laa janji den trhibur dgn telatah eh.”

RP (15): “Apa ustaz KK ni...mengelabah..bercakap tak tentu.”

Berdasar pada 15 ujaran yang dianalisis, ternyata bahawa lakuan lokusi guru agama yang dikaji telah melanggar lima daripada enam maksim yang terdapat dalam Prinsip Kesopanan (Leech 1983), iaitu maksim santun, maksim sokongan, maksim kerendahan hati, maksim persetujuan dan maksim simpati. Pelanggaran terhadap maksim-maksim yang terdapat dalam Prinsip Kesopanan (Leech 1983) mengakibatkan berlakunya tingkah laku tidak beradab atau ketidaksopanan dalam interaksi perbualan. Kebiasaannya, “pelanggaran kepada kesopanan asas dalam sesuatu masyarakat menjadi satu kebiadapan yang bukan hanya dalam masyarakat itu sendiri bahkan kepada masyarakat yang lain.” (Rohaidah Mashudi et al. 2013).

Lakuan lokusi yang melanggar maksim santun ialah L4 dan L8. Contoh L8; “Dan saya tidak pernah mengatakan Ibn Baz tiada penglihatan, Ibn Baz aaa pengganas, Ibn Baz barua, Ibn Baz bahlol. Tiada Ada.”. Lakuan lokusi ini melanggar maksim santun kerana penutur tidak meminimumkan kos bagi orang lain sebaliknya penutur memaksimumkan manfaat bagi diri sendiri. Lakuan lokusi ini berbentuk menjengkelkan kerana terdapat penggunaan perkataan yang kasar, iaitu “barua” dan “bahlol” dan dalamnya terkandung lakuan niat pengucapan berbentuk penegasan yang mengakibatkan penutur bertanggungjawab terhadap kebenaran yang diungkap (Leech 1983), iaitu mendakwa.

Apabila guru agama tidak berhati-hati memilih perkataan atau ayat, maka perkataan dan ayat yang kasar tersebut boleh tertanam di hati para pelajar atau pendengar sehingga boleh mempengaruhi hubungan serta persepsi mereka tentang guru. Tingkah laku guru seperti ini bersifat tidak mendidik disebabkan guru tidak menghormati serta tidak mempunyai perasaan positif terhadap para pelajar, menjatuhkan keyakinan diri para pelajar, dan akhirnya akan mewujudkan krisis dan rasa benci para pelajar kepada guru (Sofia Ultah, Zamri Mahamod dan Jamaludin Basudah 2013).

Lakuan lokusi yang melanggar maksim sokongan ialah L1, L2, L3, L7, L9, L11, L14 dan L15. Contoh L14; “Ini Melayu jenis apa? Melayu bersanad? Sel otak berhubung? Tak pakai kopiah?”. Lakuan lokusi ini melanggar maksim sokongan kerana penutur tidak meminimumkan cacian terhadap orang lain sebaliknya penutur cuba memaksimumkan manfaat untuk diri sendiri. Lakuan lokusi ini berbentuk merapik yang mempunyai kata senda yang bersifat ejekan dan lelucon. Dalam L14, penutur menggunakan ayat tanya (i) “Melayu bersanad?”, (ii) “Sel otak berkembang?” dan (iii) “Tak pakai kopiah?” seolah-olah untuk bersenda tetapi dalamnya terdapat lakuan niat pengucapan berbentuk ekspresif yang digunakan untuk mengungkapkan atau menyerlahkan sikap psikologi penutur terhadap sesuatu keadaan tertentu yang diperandaikan oleh lakuan niat pengucapan (Leech 1983).

Lakuan niat pengucapan tersebut ialah mengejek dan menghina. Mengejek dan menghina dianggap tidak beradab dan termasuk dalam fungsi berkonflik, yakni matlamat lakuan niat pengucapan penutur berkonflik dengan matlamat sosial pendengar. Apabila guru menuturkan ujaran yang bersifat berkonflik seperti mengancam, menuduh dan melabel maka hubungan dan persepsi pelajar terhadap guru akan bertukar menjadi negatif (Sofia Ultah, Zamri Mahamod dan Jamaludin Basudah 2013). Al-Quran ada menyatakan hal ini dalam Surah al-Hujuraat (49:11):

*Maksudnya: “Wahai orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak daripada kaum lelaki mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, kerana harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu puak daripada kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, kerana harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah setengah daripada kamu menyatakan keaiban setengahnya yang lain; dan janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan-larangan yang tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik) maka amatlah buruknya sebutan nama fasik kepada seseorang, sesudah*

*dia beriman. Dan (ingatlah), sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan yang disebut sifat fasiknya itu) maka merekalah orang yang zalim (yang sengaja mendedahkan diri mereka kepada azab Allah)."*

Seterusnya, lakuan lokusi yang melanggar maksim kerendahan hati ialah L6, L12 dan L13. Contoh L6; "Ha! Ni garang ni. Harimau Malaya! KK nilah yang menangkap orang Syiah di Malaysia. Ha! Sabar biasa. Sabaruddin. Sabariah. Sabaroni." Lakuan lokusi ini melanggar maksim kerendahan hati kerana penutur tidak meminimumkan pujian terhadap diri sendiri sebaliknya penutur maksimumkan pujian terhadap diri sendiri dengan menggunakan ayat (i) "Ha! Ni garang ni. Harimau Malaya!" dan ayat (ii) "KK nilah yang menangkap orang Syiah di Malaysia. Ha!" Lakuan lokusi ini berbentuk provokasi yang cuba membangkitkan kemarahan sidilawan-sapa dan dalamnya terdapat lakuan niat pengucapan berbentuk ekspresif, iaitu bercakap besar. Sesungguhnya Islam menegah umatnya bercakap besar atau membanggakan diri.

Maksudnya: "*Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di muka bumi dengan berlagak sombong; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri.*" (Al-Quran, Luqman 31: 18)

Selanjutnya, lakuan lokusi yang melanggar maksim persetujuan ialah L5; "Saya kadang-kadang pelik dengan Dr. NN ni. Hairan bin ajaib. Saya pelik. Say, say, bukan ngumpat ni. Cakap terus terang. Ustaz KK tak main mengumpat di belakang." Lakuan lokusi ini melanggar maksim persetujuan kerana penutur tidak meminimumkan perbalahan antara diri sendiri dengan orang lain sebaliknya penutur cuba memaksimumkan perbalahan antara diri sendiri dengan orang lain. Ayat (i) "Saya kadang-kadang pelik dengan Dr. NN ni. Hairan bin ajaib. Saya pelik." dan ayat (ii) "Say, say, bukan ngumpat ni. Cakap terus terang. Ustaz KK tak main mengumpat di belakang." dalam L5 di atas jelas digunakan oleh penutur untuk membuat provokasi terhadap sidilawan-sapa dan dalamnya terdapat lakuan niat pengucapan berbentuk penegasan, iaitu mendakwa. Menurut Leech (1983), lakuan niat pengucapan berbentuk penegasan kebiasaannya termasuk dalam fungsi kolaboratif, yakni matlamat lakuan niat pengucapan penutur tidak peka terhadap matlamat pendengar dan biasanya kesopanannya tidak relevan. Untuk berlaku sopan, penutur mungkin boleh membuat dakwaan atau teguran atau arahan secara berlapik kerana cara

tersebut lebih berkesan untuk memberi kesedaran kepada pendengar di samping mewujudkan keharmonian sepanjang komunikasi berlangsung (Rozita Che Omar dan Jagdish Kumar 2017). Hal ini ada dinyatakan dalam al-Quran:

Maksudnya: “Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan buruk yang dikatakan dengan berterus-terang, kecuali oleh orang yang dianiaya. Dan adalah Allah sentiasa Mendengar, lagi Maha Mengetahui.” (Al-Nisa’ 4: 148)

Lakuan lokusi yang melanggar maksim simpati ialah L10; “Kalau Ustaz KK kata barua, ooo jahat KK. Akhlak buruk. Perangai buruk. Bukan ustaz. Tak layak jadi... Habis nak cakap apa?” Lakuan lokusi ini melanggar maksim simpati kerana penutur tidak meminimumkan antipati antara diri sendiri dengan orang lain sebaliknya maksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain. Lakuan lokusi ini berbentuk menjengkelkan kerana turut menggunakan perkataan yang kasar, iaitu “barua” dan dalamnya terdapat lakuan niat pengucapan berbentuk arahan yang digunakan untuk lakuan ini digunakan untuk mencuba dengan darjah yang berbeza untuk membuatkan pendengar melakukan sesuatu (Amir Juhari & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2015, hlm. 52), iaitu memohon simpati. Lakuan niat pengucapan seperti ini berfungsi sebagai persaingan, yakni maktlamat lakuan niat pengucapan penutur persaingan dengan matlamat sosial penutur. Fungsi lakuan niat pengucapan persaingan disifatkan sebagai kesopanan negatif dan matlamat persaingan merupakan matlamat yang biadab (Leech 1983).

Oleh itu, dapatan kajian ini mengesahkan bahawa wujudnya tingkah laku tidak beradab dalam lakuan lokusi guru-guru agama bangsa Melayu. Kewujudan tingkah laku tidak beradab tersebut mengakibatkan sebilangan para pelajar, para penonton atau para pendengar turut bertingkah laku tidak beradab dan melanggar maksim-maksim Prinsip Kesopanan. Hal ini dapat dilihat melalui komen-komen mereka seperti berikut:

RP16: “KK dan nada gaya bercakapnya sungguh ke laut.dia membuka aibnya sendiri.6. KK tiada kredibiliti intelek langsung...ZERO INTELLECTUAL CAPACITY.....BODOH SOMBONG!!!!!!!!!!!!ustaz haprak!!!yang lain ok laa.....”

RP17: “KK buat2 suara bodoh ngan muka tahi....”

RP18: “kalau ada 10 org mcm KK ni, percayalah, rosak agama islam !!! org bukan islam hari2 kutuk dan pertikai cara islam disebabkan KK babi nih !! xpercaya follow la page2 non muslim kt fb, jgn kdekut data wahai walaun !!! dia ni bangang je lebih!!!”

RP19: “BB poyo! engkau dgn KK tu lebih kurang juga BB.. suka2 guna AlQuran tuduh orang.. pebenda lah ko BB..”

Maka atas sebab itulah kesopanan berbahasa amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Aspek kesopanan berbahasa mencerminkan nilai yang bersih dan melambangkan tahap peribadi yang berkualiti dan cemerlang (Nor Azuwan Yaakob et al. 2011). Selain itu, amalan interaksi lisan guru yang baik digabungkan pula dengan strategi pengajaran yang menarik akan menjadikan proses pengajaran berjaya dan berkesan (Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman dan Sufiza Ishak 2013). Hal ini telah dijelaskan dalam al-Quran:

Maksudnya: *“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; Lemah lembut dan sopan santun, bukan kasar dan gelojoh; Sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang mendapat hidayah petunjuk.”* (Al-Nahl 16: 125)

## PENUTUP

Sebagai kesimpulan, kajian ini menunjukkan bahawa terdapat lakuan lokusi tidak sopan dalam interaksi perbualan guru-guru agama bangsa Melayu. Lakuan lokusi tidak sopan tersebut berbentuk provokasi, menjengkelkan dan merapik. Dalam lakuan-lakuan lokusi tersebut terkandung kata-kata yang tidak bermanfaat, menyakitkan hati dan membangkitkan kemarahan. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya berfokuskan kepada sebilangan kecil guru-guru agama bangsa Melayu sahaja, oleh hal yang demikian kajian yang menyeluruh perlu dijalankan bagi mengukuhkan dapatan kajian ini.

Kajian ini tidak bertujuan untuk merendahkan kemampuan dan kebolehan kemahiran berbahasa dan komunikasi guru-guru agama bangsa Melayu, tetapi kajian ini penting untuk menyedarkan pengguna bahasa Melayu, khususnya umat Islam di Malaysia bahawa tingkah laku tidak beradab atau ketidaksopanan berbahasa sememangnya wujud dalam semua



situasi interaksi perbualan, termasuklah interaksi perbualan dalam kalangan guru-guru agama. Oleh itu, aspek kesopanan berbahasa perlu diberi perhatian oleh setiap lapisan masyarakat sesuai dengan saranan al-Quran seperti berikut;

Maksudnya: “*Dan katakanlah (wahai Muhammad) kepada hamba-hambaKu (yang beriman), supaya mereka berkata dengan kata-kata yang amat baik (kepada orang-orang yang menentang kebenaran); sesungguhnya Syaitan itu sentiasa menghasut di antara mereka (yang mukmin dan yang menentang); sesungguhnya Syaitan itu adalah musuh yang amat nyata bagi manusia.*” (Al-Israa’ 17:53)

#### RUJUKAN

- Abd Ganing Laengkang dan Wan Mohd Fairaz Wan Mohd Ghazali. 2015. *Konsep akal dan adab kesopanan dalam buku ‘falsafah hidup’ oleh Prof. Hamka*. JSASSVOL 2(2) :127-141.
- Abdul Rasid Jamian dan Hasmah Ismail. 2013. *Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa melayu*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu 3(2) : 49-63.
- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman dan Sufiza Ishak. 2013. *Interaksi Lisan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu 3(1) : 42-51.
- Arina Johari dan Indirawati Zahid. 2016. *Aplikasi strategi kesantunan dalam rancangan bual bicara motivasi diri radio IKIMFM*. Jurnal Bahasa 16(1) : 120-152.
- Aini Johari dan Indirawati Zahid. 2016. *Manifestasi kesantunan melayu dalam ujaran memberi dan meminta nasihat*. GEMA Online® Journal of Language Studies 16 (2) : 73-92.
- Amir Juhari dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2015. *Penggunaan lakuan pertuturan dalam mesyuarat*. Jurnal Linguistik 19(1) : 48-57.
- Asmah Hj Omar. 2000. *Wacana perbincangan, perbahasan dan perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Banks, M. 2007. *Using visual data in qualitative research*. London: Sage Publications.
- Farizah Hanim Ismail. (2010). *Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Remaja di Sekolah Menengah: Suatu Cabaran*. Jurnal Linguistik 10(edisi khas) : 1-17.
- Ghazali Lateh dan Shamsudin Othman. 2014. *Tinjauan interaksi lisan bahasa melayu dalam kalangan remaja Malaysia dari sudut*

- etnografi komunikasi*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 4(1) : 30-40.
- Hesse-Biber, S.N dan Leay, P. 2005. *The practice of qualitative research*. Thousand Oak, CA: Sage Publications.
- Howe, C. dan Abedin, M. 2013. *Classroom Dialogue: A Systematic Review Across Four Decades of Research*. *Cambridge Journal of Education* 43(3) : 325-356.
- Kellehear, A. 1993. *The unobtrusive researcher: A guide to methods*. Sydney: Allen & Unwin.
- Kiemer, K., Groschner, A., Pehmer, A-K., dan Seidel, T. 2015. *Effects of a classroom discourse intervention on teachers' practice and students' motivation to learn* Mathematic and science. *Learning and Instruction* 35 : 94-103.
- Leech, G.N. 1983. *Principle of pragmatics*. London: Longman.
- Leech, G. N. 1993. *Prinsip pragmatik*, terj. Azhar M. Simin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Liamputtong, P. (2014). *Kaedah penyelidikan kualitatif*. Terj. Haliza Mohd Riji dan Shamsuddin Ahmad. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia. (Terbitan asal 2009).
- Maslida Yusof dan Karim Harun. 2015. *Analisis lakuan tutur dalam ruangan status facebook*. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* 31(2) : 151-168.
- Maslida Yusof, Marlyna Maros dan Muhammad Fadzeli Jaafar. 2011. *Ooops.. Maaf : Strategi kesopanan dan penebus kesalahan*. *Jurnal Melayu* 8 : 27-50.
- Mohd Asri Harun, Zulkifley Hamid dan Kartini Abd Wahab. 2016. *Melahirkan warga yang berketerampilan bahasa: Kajian hubungan antara pengetahuan dengan amalan komunikatif dalam kalangan guru bahasa Melayu*. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 12(9) : 32-45.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab dan Mohd Rashid Md. Idris. 2016. *Interpretasi guru bahasa melayu terhadap penyerapan elemen falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional: Satu kajian analisis keperluan*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 6(1) :1-15.
- Mohd Khairuddin Abdullah dan Halimah Laji. 2014. *Kepemimpinan pengajaran dan sikap guru bahasa Melayu*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 4(1) : 48-58.
- Nor Azuwan Yaakob et all. 2011. *Kesantunan Berbahasa dalam aktiviti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)*. *Journal of Human Capital Development* 4(1) : 53-77.
- Ong Sze Chong, Zamri Mahamod dan Mohd Izham Mohd Hamzah. 2017. *Meneroka kaedah pengajaran guru cemerlang bahasa melayu*

- negeri Sarawak: Satu kajian kes. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 7(1) : 93-108.
- Pink, S. 2001. *Doing visual ethnography: Image, media and representation in reasearch*. London: Sage Publications.
- Rapport. 2005. *Hermeneutic Phenomenology: The Science of Interpretation of Texts*. Dalam *Qualitative research in health care*, ed. Holloway, 125. Maidenhead, Birkshire: Open Universiti Press.
- Rohaidah Mashudi et all. 2013. *Faktor kesopanan dan strategi komunikasi dalam Genre perbincangan di televisyen*. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 13(3) :163-178.
- Rose, G. 2001. *Visual methodologies: An introduction to the interpretation of visual materials*. London: Sage Publications.
- Rozita Che Omar dan Jagdish Kumar. 2017. *Penggunaan Strategi Komunikasi dalam Rutin Perundingan Makna*. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 17(1) : 203-222.
- Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid. 2009. *Tafsir mubin* jilid 1 – jilid 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sara Beden dan Indirawati Zahid. 2016. *Pemetaan struktur peristiwa kesopanan berbahasa: kombinasi model Leech (1983) & Grice (1975)*. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature* 6 : 41-71.
- Shamsudin Othman, Ghazali Lateh, dan Nurul Faidzah Ab. Hadi. (2014). *Penggunaan Gaya Bahasa Sastera dalam Pengajaran Melayu di Sekolah Menengah*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(1), 59-64.
- Shifflet, Mark dan Brown. 2006. *The use of instructional simulations to support classroom teaching: A crisis communication case study*. *Journal of Educational Multimedia & Hypermedia* 15(4) : 377-395.
- Siti Hajar Che Man et all. 2012. *Kesedaran dan amalan kesopanan dalam kalangan remaja malaysia: menilai sumbangan teori kesopanan Brown Levinson*. *Akademika* 82(2) : 81-85.
- Siti Saniah Abu Bakar. 2017. *Komunikasi Interpersonal Guru Bahasa di Jerman*. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 17 (2), 139-154
- Sofia Ulfah, Zamri Mahamod & Jamaludin Badusah. 2013. *Kemahiran Komunikasi Interpersonal Ekspresif : Mencipta Guru Bahasa Indonesia yang Penyayang*. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 13 (1), 139-154.
- Thomas, J. 1995. *Meaning in interaction: an introduction to pragmatics*. New York: Longman.
- Van Manen, M. 1990. *Researching lived experience: human science for an action sensitive pedagogy*. London: Althouse Press.

Zaitul Azma Zainon, Ahmad Fuad dan Mohd Nur Hafizudin. 2011.  
*Kesantunan bahasa dalam kalangan remaja sekolah menengah.*  
Jurnal Bahasa 11(2) : 321-338.

MUHAMMAD ZUHAIR ZAINAL\*  
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia  
11800 USM Pulau Pinang, Malaysia  
zuhair@usm.my

MOHD FARID MOHD SHARIF  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia  
11800 USM Pulau Pinang, Malaysia  
faridusm@usm.my

MD BAHARUDDIN ABDUL RAHMAN  
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia  
11800 USM Pulau Pinang, Malaysia  
mdbahar@usm.my

AL-AMIN MYDIN  
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia  
11800 USM Pulau Pinang, Malaysia  
alamin@usm.my